



**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
PENOLONG JURUUKUR BAHAN
2024
UKUR BAHAN**

KOD : PJU021

**SUBJEK : AMALAN DAN PROSEDUR
TENDER/KONTRAK**

TARIKH : 12 OGOS 2024

MASA : 2.00 PTG – 5.00 PTG

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

PERKARA : PJU021 – AMALAN DAN PROSEDUR TENDER/KONTRAK

ARAHAN KEPADA CALON

Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.

*Jawab **satu (1)** soalan **WAJIB** di Bahagian A dan mana-mana **empat (4)** soalan di Bahagian B.*

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

BAHAGIAN A

SOALAN 1

Anggaran Projek memberikan gambaran dan jangkaan keseluruhan perbelanjaan dan kos yang terlibat dengan projek yang hendak dilaksanakan.

- a) Jelaskan perbezaan di antara *Preliminaries Detailed Abstract (PDA)* dan *As Completed Detailed Abstract (ACDA)*.

(8 markah)

- b) Nyatakan **enam (6)** item yang terkandung di dalam ACDA.

(6 markah)

- c) Senaraikan **enam (6)** kaedah penyediaan anggaran kos awalan.

(6 markah)

BAHAGIAN B

SOALAN 2

- a) Nyata dan huraikan **tiga (3)** prinsip perolehan kerajaan.
(9 markah)
- b) Senaraikan **tiga (3)** sijil perakuan/pendaftaran bagi melayakkan syarikat kontraktor untuk menyertai tender/sebut harga yang ditawarkan oleh Agensi Kerajaan.
(3 markah)
- c) Huraikan maksud darurat.
(2 markah)
- d) Nyatakan **tiga (3)** keadaan yang membolehkan perolehan secara darurat dilaksanakan.
(6 markah)

SOALAN 3

- a) Huraikan secara ringkas maksud Surat Setuju Terima (SST).
(4 markah)
- b) Senaraikan **lima (5)** elemen yang terlibat dalam pewujudan sesuatu ikatan kontrak.
(10 markah)
- c) Senaraikan **tiga (3)** dokumen yang perlu disediakan semasa penyediaan SST.
(6 markah)

SOALAN 4

- a) Pekeliling Perbendaharaan/Perolehan Kerajaan (PP/PK) 2.1 menyatakan tatacara dan peraturan bagi semua kaedah yang dibenarkan dalam Kerajaan. Nyatakan had nilai bagi kaedah-kaedah perolehan kerja seperti di bawah:
- i) Lantikan terus;
 - ii) *Requisition*;
 - iii) Sebut Harga; dan
 - iv) Tender Terbuka

(10 markah)

- b) PP/PK 2.9 menyatakan penilaian sebut harga kerja boleh dibuat oleh satu Jawatankuasa Penilaian sahaja. Nyatakan **lima (5)** daripada asas-asas penilaian Sebut Harga bagi Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga tersebut.

(10 markah)

SOALAN 5

Jenis Perolehan	Tender Konvensional
Syarat-syarat Kontrak	P.W.D. Form 203A (Rev.1/2010)
Harga Kontrak	RM 10,000,000.00
Tempoh Kontrak	24 Bulan
Tarikh Milik Tapak	1 Januari 2024
Wang Peruntukan Sementara	RM 500,000.00
Wang Kos Prima	RM 1,000,000.00
Peratusan Kenaan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (<i>Liquidated Ascertained Damages - LAD</i>)	0.015% sehari

Jadual 5

SOALAN 5 (sambungan)

Berdasarkan maklumat kontrak di dalam **Jadual 5** di atas, jawab soalan-soalan di bawah:

- i) Tarikh Siap
- ii) Tempoh Tanggungan Kecacatan (*Defect Liability Period-DLP*)
- iii) Nilai Bon Pelaksanaan
- iv) Tempoh Sah Laku Bon Pelaksanaan
- v) Nilai Insurans Kerja
- vi) Tarikh perlindungan insurans kerja
- vii) Nilai Insurans Tanggungan Awam
- viii) Tempoh perlindungan insurans tanggungan awam
- ix) Jumlah bayaran wang pendahuluan
- x) Nilai kenaikan LAD sehari

(20 markah)

SOALAN 6

- a) Huraikan secara ringkas maksud perkara-perkara berikut:
 - i) Perubahan Harga (*Variation of Price - VOP*)
 - ii) Pelarasan Harga Kontrak

- b) Senaraikan **lima (5)** perkara yang memerlukan Perakuan Pelarasan Harga Kontrak (PHK) disediakan.

(5 markah)

(15 markah)

SOALAN 7

Selaras dengan peruntukan di dalam syarat-syarat kontrak P.W.D. Form 203A (Rev.1/2010);

- a) Nyatakan **lima (5)** sebab kontraktor layak dipertimbangkan lanjutan masa.

- b) Berikan **lima (5)** sebab yang membolehkan pihak kerajaan menamatkan pengambilan kerja kontraktor.

(10 markah)

(10 markah)

SOALAN 8

Lengkapkan **Jadual 8** di bawah dengan mengisi nama borang piawai **(i) hingga (x)** berdasarkan rujukan borang piawai tersebut.

Rujukan Borang Piawai	Nama Borang Piawai
JKR 203D	(i)
JKR 203B	(ii)
<i>P.W.D FORM 203</i>	(iii)
Borang 203T	(iv)
JKR 203S	(v)
JKR 203W	(vi)
JKR 203X	(vii)
JKR 203Y	(viii)
JKR 66	(ix)
JKR 66A	(x)

Jadual 8

(20 markah)

SOALAN 9

- a) Nyatakan **tiga (3)** sebab yang melayakkan kontraktor untuk menuntut kerugian dan/ atau perbelanjaan tambahan selain daripada disebabkan lanjutan masa sepertimana yang dibenarkan dalam syarat-syarat kontrak.

(6 markah)

- b) Apakah syarat yang perlu dipatuhi oleh Pengawai Penguasa/ Pengarah Projek sebelum kontraktor dikenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (*Liquidated and Ascertained Damages-LAD*)?

(2 markah)

SOALAN 9 (sambungan)

Harga Kontrak	RM43,000,000.00
<i>Base Landing Rate (BLR)</i>	4.90%
Tarikh Perakuan Kerja Tak Siap	3 Januari 2024
Tarikh Siap Asal	2 Januari 2024
Tarikh Siap Sebenar	25 Januari 2024

Jadual 9

- c) Berdasarkan maklumat di dalam **Jadual 9** di atas, jawab soalan-soalan berikut:
- i) Nyatakan formula pengiraan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (*Liquidated and Ascertained Damages-LAD*).
 - ii) Kirakan kadar LAD sehari bagi kontrak ini.
 - iii) Kirakan jumlah hari kontraktor dikenakan LAD.
 - iv) Kirakan jumlah LAD yang dikenakan.

(12 markah)

SOALAN 10

- a) Huraikan secara ringkas maksud Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad (PABM).
(5 markah)
- b) Bilakah tempoh Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad perlu disediakan menurut syarat-syarat kontrak P.W.D. Form JKR 203A?
(3 markah)
- c) Senaraikan **tiga (3)** perkara yang perlu di ambil kira semasa penyediaan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad.
(6 markah)
- d) Sekiranya bayaran muktamad yang diperakukan untuk dibayar tidak mencukupi, senaraikan **tiga (3)** pihak yang perlu dibayar mengikut keutamaan.
(6 markah)
